


**PENDAKWAH INDONESIA DI SABAH  
(1967-1985)**

**NURASNIE BINTI AMIRRUDIN**



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**SEKOLAH SAINS SOSIAL  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH  
2012**

**PENDAKWAH INDONESIA DI SABAH  
(1967-1985)**

**NURASNIE BINTI AMIRRUDIN**



**SEKOLAH SAINS SOSIAL  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH  
2012**

## UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## BORANG PENGESAHAN TESIS

JUDUL : \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_IJAZAH : \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_SAYA : \_\_\_\_\_ SESI PENGAJIAN : \_\_\_\_\_  
(HURUF BESAR)

Mengaku membenarkan tesis \*(LPSM/Sarjana/Doktor Falsafah) ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/)

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di AKTA RAHSIA RASMI 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

Disahkan oleh:

(TANDATANGAN PENULIS)

Alamat Tetap: \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

(TANDATANGAN PUSTAKAWAN)

TARIKH: \_\_\_\_\_

(NAMA PENYELIA)

TARIKH: \_\_\_\_\_

Catatan:

\*Potong yang tidak berkenaan.

\*Jika tesis ini SULIT dan TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.

\*Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana Secara Penyelidikan atau disertai bagi pengajian secara kerja kursus dan Laporan Projek Sarjana Muda (LPSM).

## **PENGAKUAN**

Karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

### **Tandatangan Calon**

27 Ogos 2012

---

Nurasnie Binti Amirrudin

PA 2006-8625



## **PENGESAHAN**

NAMA : **NURASNIE BINTI AMIRRUDIN**  
NO. MATRIK : **PA 2006-8625**  
TAJUK : **PENDAKWAH INDONESIA DI SABAH (1967-1985)**  
IJAZAH : **SARJANA SASTERA**  
TARIKH VIVA : **29 MAC 2012**

### **DISAHKAN OLEH**



#### **1. PENYELIA**

Mohamad Shaukhi Mohd Radzi

Tandatangan

**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

#### **2. PENYELIA BERSAMA**

Baszley Bee Basrah Bee

## PENGHARGAAN

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Pengasih. Syukur kehadrat Ilahi di atas limpah kurnia dan keizinannya akhirnya dapat saya siapkan tesis ini yang bertajuk "Pendakwah Indonesia di Sabah (1967-1985)". Dengan ini, saya ingin merakamkan penghargaan kepada pelbagai pihak yang telah banyak memberikan sumbangan ke atas tesis ini terutama kepada Universiti Malaysia Sabah yang memberi bantuan untuk membuat penyelidikan melalui Skim Bantuan Penyelidikan.

Terima kasih saya ucapan kepada penyelia bersama saya iaitu En. Mohamad Shaukhi Mohd Radzi dan En. Baszley Bee Basrah Bee yang banyak memberi bimbingan dan tunjuk ajar dalam proses menyiapkan tesis ini. Ucapan terima kasih juga kepada pensyarah Sejarah Sekolah Sains Sosial Universiti Malaysia Sabah di atas teguran dan perhatian iaitu Prof. Sabihah Osman, Prof. Madya Dr. Ismail Ali, Prof. Madya Bilcher Bala, Dr. Maureen De Silva, En. Shafiee Abdul Rahim, En. Wan Shawalludin Wan Hassan, Pn Siti Aida Hj. Lokin dan En Mosli Tarsat.

Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada informan-informan tesis ini di atas kesudian untuk ditemuramah dan kerjasama yang diberikan iaitu Ustaz Hj. Ahmad Darbi Lubis, Ustaz Manshuruddin Batu Bara, Ustaz Hj. Muhammad Iyen Atim, Ustaz Muchlis Sitanggang Ali Kasim, Ustaz Yazed Abbas, Ustaz Jamiatul Ikhwan Asgandi, Ustaz Abd. Mukti Syaubari, Ustaz Masduki Umar, Ustaz Awaludin Nasution, dan Ustaz Burhanuddin Sham. Ribuan terima kasih juga kepada Pegawai-pegawai dakwah USIA Kota Kinabalu, Ustazah Aisyah Kasang (Pegawai Bahagian Pendidikan MUIS), Pegawai Bahagian Dakwah MUIS, Ustaz Jumain Abdul Ghani (Pegawai Bahagian Sebaran Am MUIS), Arkib Negeri Sabah dan Arkib Negara Malaysia.

Ucapan jutaan terima kasih buat Umie dan Abah yang banyak memberi sokongan dan dorongan kepada saya dalam menyiapkan tesis ini. Doa dan sokongan moral yang berterusan memberi semangat dan perangsang kepada saya untuk berusaha menyiapkan tesis ini. Teristimewa juga buat adik-adik Nurhuda dan Isyam Izzuddin. Tidak lupa juga buat rakan seperjuangan Fadilah, Siti Hernawati, Jovinia, Syiran, rakan-rakan bilik pasca dan yang tidak sempat disebutkan namanya di sini, terima kasih saya ucapan.

Akhir sekali, saya ucapan setinggi-tinggi penghargaan buat semua yang terlibat secara langsung maupun tidak langsung dalam menyiapkan tesis ini. Kerjasama kalian amat saya hargai dan hanya Allah s.w.t sahaja yang dapat membaliasnya.

Nurasnie Amirrudin  
Sekolah Sains Sosial  
Universiti Malaysia Sabah  
2012

## **ABSTRAK**

### **PENDAKWAH INDONESIA DI SABAH (1967-1985)**

Kajian ini memfokuskan kepada kehadiran dan keberadaan pendakwah Indonesia di negeri Sabah pada sekitar tahun 1967 hingga 1985. Kehadiran pendakwah Indonesia di negeri Sabah dilihat menjadi salah satu faktor yang penting dalam menjayakan aktiviti pendakwahan dan perkembangan Islam di Sabah. Dalam aspek kedatangan terdapat tiga kategori kemasukan pendakwah Indonesia ke Sabah. Kategori pertama berlaku pada tahun 1974 atas jemputan Kerajaan Negeri Sabah, kategori kedua pada tahun 1980 atas sumbangan Kerajaan Arab Saudi di bawah seliaan Rabitah Alam al-Islami dan kategori ketiga adalah pendakwah yang datang secara persendirian. Faktor-faktor kemasukan pendakwah Indonesia ke negeri Sabah didorong oleh faktor penolak dan faktor penarik. Antara Faktor penolak kedatangan pendakwah Indonesia ke Sabah adalah kedudukan geografi, persaudaraan Islam, hubungan dua hala Sabah-Indonesia, dan bantuan dari negara Asia Barat. Manakala faktor penarik kedatangan pendakwah Indonesia pula idiosinkrasi Tun Datu Mustapha Bin Datu Harun dan Datuk Harris Mohd. Salleh, keperluan pendakwah dan guru agama serta keperluan tenaga buruh. Pendakwah Indonesia dilantik oleh *Unites Sabah Islamic Association (USIA)* dan Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS) sebagai Pegawai Dakwah dan Guru Agama Islam Sabah (SUIS) secara kontrak. Dalam memainkan peranan yang penting dan besar ke arah pembentukan aspek akidah, ibadah dan kemasyarakatan yang sebenar dalam kalangan masyarakat Sabah, pelbagai pendekatan dakwah telah digunakan antaranya pendekatan *bil hal*, kitab dan ilmu, kebajikan, ceramah dan khutbah serta melalui media. Manakala sebagai guru agama pula, pendekatan yang digunakan ialah mengajar, mendidik, mendisiplin, mentor dan berdakwah. Corak pengajaran dan pembelajaran adalah menggunakan sistem pondok yang disesuaikan dengan pendekatan psikologi dengan menekankan disiplin yang ketat. Semasa menjalankan aktiviti dakwah dan pengajaran, pendakwah Indonesia diuji dari segi fizikal, mental dan emosi. Reaksi positif yang diterima adalah dari kawasan atau daerah yang mempunyai masyarakat yang majoritinya Islam. Manakala reaksi negatif diterima di daerah yang penduduknya majoriti beragama Kristian dan berpegang pada kepercayaan nenek moyang mereka. Pendakwah Indonesia bukan sahaja telah mampu menambah jumlah pengikut agama Islam tetapi telah berjaya meningkatkan kefahaman Islam dalam kalangan masyarakat di Sabah sama ada dalam kalangan masyarakat Islam dan bukan Islam. Sehingga kini, pendakwah Indonesia ini bukan sahaja diterima oleh masyarakat Sabah sebagai pendakwah tetapi merupakan tempat rujukan utama dalam berbagai hal khususnya hal ehwal agama Islam. Pendakwah Indonesia ini dipandang tinggi oleh masyarakat Sabah dan ada antara pendakwah Indonesia ini mendapat anugerah dari Kerajaan Negeri Sabah atas aktiviti dakwah mahupun berorganisasi.

## **ABSTRACT**

*This study focusses on the presence of Indonesian Islamic preachers in Sabah around 1967 to 1985. The presence of Indonesian Islamic missionaries in Sabah is one of the important factors in the success of missionary activity and development of Islam in the state. In terms of arrival, there are three categories of admission Indonesian preachers to Sabah. The first category was in 1974 upon the invitation of the State Government, the second category in 1980 was by the contributions of Kingdom of Saudi Arabia under the supervision of Al-Islam Muslim World League and the third category was by those preachers who came on their own. The factors of their arrival to Sabah were driven by push and pull factors. Among the push factors include the geographical location, Islamic brotherhood, bilateral relations between Sabah and Indonesia, and the help from the Middle East. While the pull factors of their arrival were the idiosyncrasy of Tun Datu Mustapha Bin Datu Harun and Datuk Harris Mohd. Salleh, the needs of preachers and religious teachers as well as labour requirements. Indonesian preachers were appointed by the United Sabah Islamic Association (USIA) and the Sabah Islamic Religious Council (MUIS) as missionary officers and Sabah Islamic Religious Teachers (SUIS) on a contract basis. In playing an important role towards the creation aspect of belief, true worship and community among people of Sabah, various approaches have been used among missionary approach to billing matters, scripture and knowledge, welfare, lectures and sermons as well as through the media. While as a religious teacher, the approach used is to teach, educate, discipline, mentoring and preaching. The patterns of teaching and learning are based on hut system, adapted to psychological approach to emphasize strict discipline. In the course of activities and teaching, Indonesian preachers tested physically, mentally and emotionally. Positives response received from the area or district which has a Muslim majority society. Whereas negative reactions in the district receive by the Christian majority society subscribed to the belief of their ancestors. Indonesian preachers not only have been able to increase the number of followers of Islam but had managed to increase understanding among people in Sabah, whether in the Muslim community or non-Muslims. Till this day, Indonesians are not only well received by the communities in Sabah as a preachers, but they also become major reference point in many cases, especially Islamic religious affairs. Indonesians are highly regarded preachers by the communities in Sabah and they are among the preachers that continue to receive awards from the State Government on the missionary activities or organization.*

## **SENARAI KANDUNGAN**

	Halaman
<b>TAJUK</b>	i
<b>PENGAKUAN</b>	ii
<b>PENGESAHAN</b>	iii
<b>PENGHARGAAN</b>	iv
<b>ABSTRAK</b>	v
<b>ABSTRACT</b>	vi
<b>SENARAI KANDUNGAN</b>	vii
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xi
<b>SENARAI JADUAL</b>	xii
<b>SENARAI GAMBAR</b>	xiii
<b>SENARAI RAJAH</b>	xv
<b>SENARAI PETA</b>	xvi
<b>BAB 1: PENDAHULUAN</b>	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Permasalahan Kajian	7
1.3 Objektif Kajian	9
1.4 Kepentingan Kajian	9
1.5 Sorotan Literatur	10
1.6 Skop Kajian	20
1.7 Metodologi Kajian	21
1.8 Pembahagian Bab	22
1.9 Kesimpulan	23
<b>BAB 2: SEJARAH KEDATANGAN DAN PENYEBARAN ISLAM DI SABAH</b>	
2.1 Pengenalan	25
2.2 Kedatangan dan Pertapakan Islam di Nusantara	26
2.2.1 Teori Kedatangan Islam di Nusantara	28
a.     Teori pertama Islam datang dari Tanah Arab	29
b.     Teori kedua Islam datang dari India	31
c.     Teori ketiga Islam datang dari China dan Champa	33

2.2.2	Faktor-faktor Penyebaran Islam di Nusantara	35
a.	Kesucian Islam	35
b.	Perdagangan	36
c.	Perkahwinan	38
d.	Politik Dan Penaklukan	38
e.	Keperibadian Pendakwah Dan Ahli Sufi	39
f.	Persaingan Untuk Menyebarluaskan Agama	41
g.	Penulisan Dan Kesusastraan	42
2.3	Kedatangan dan Penyebaran Islam di Sabah	43
2.3.1	Sabah Sebelum Kedatangan Penjajah Barat	48
a.	Pentadbiran Sabah Sebelum Kedatangan Penjajah Barat	49
2.3.2	Islam Semasa Pentadbiran Penjajah Barat	53
a.	Era British North Borneo Chartered Company dan <i>Crown Colony</i>	55
b.	Reaksi Masyarakat Islam Terhadap Dasar Dan Pentadbiran British North Borneo Chartered Company	64
2.3.3	Perkembangan Islam di Sabah Selepas Merdeka (1963-1985)	72
a.	Pemerintahan Parti United Sabah National Organization (USNO)	80
b.	Permerintahan Parti BERJAYA	86
2.4	Kesimpulan	89
<b>BAB 3: KEDATANGAN PENDAKWAH INDONESIA KE SABAH</b>		
3.1	Pengenalan	91
3.2	Latar Belakang Hubungan Awal Malaysia-Indonesia Dalam Aktiviti Penyebaran dan Pendakwahan Islam	92
3.3	Latar Belakang Hubungan Awal Sabah – Indonesia Dalam Aktiviti Pendakwahan Islam	94
3.3.1	Pendakwah Indonesia Sebelum Sabah Menyertai Malaysia	96
3.4	Pendakwah Indonesia Selepas Sabah Menyertai Malaysia	101
3.4.1	Faktor Penolak Kedatangan Pendakwah Indonesia ke Sabah	101
a.	Kedudukan Geografi	102
b.	Persaudaraan Islam	104
c.	Hubungan Dua Hala Sabah-Indonesia	107
d.	Bantuan Dari Timur Tengah	110
3.4.2	Faktor Penarik Kedatangan Pendakwah Indonesia ke Sabah	113
a.	Idiosinkrasi Tun Dato Mustapha Bin Dato Harun	113
b.	Keperluan Pendakwah dan Guru Agama	117
c.	Faktor Ekonomi- Keperluan Tenaga Buruh	118
3.5	Kategori Kedatangan dan Kemasukan Pendakwah Indonesia ke Sabah	
3.5.1	Kedatangan Pendakwah Indonesia Atas Jemputan Kerajaan Negeri Sabah	120

3.5.2	Kedatangan Pendakwah Indonesia Sumbangan Rabitah Alam Al-Islami	125
3.5.3	Kedatangan Pendakwah Secara Persendirian	129
3.6	Kesimpulan	
	133	
<b>BAB 4: PERANAN PENDAKWAH INDONESIA SEBAGAI PEGAWAI DAKWAH DI SABAH</b>		
4.1	Pengenalan	134
4.2	Peranan Pendakwah Indonesia	138
4.2.1	Penjelasan Aspek Akidah	139
4.2.2	Penjelasan Aspek Ibadah	144
4.2.3	Penjelasan Aspek Kemasyarakatan	146
4.3	Pendekatan Yang Digunakan Ketika Berdakwah	148
4.3.1	Pendekatan Dakwah <i>Bil hal</i>	151
4.3.2	Kitab dan Ilmu	153
4.3.3	Kebajikan	156
4.3.4	Ceramah dan Khutbah	159
4.3.5	Melalui Media	162
4.4	Kesimpulan	166
<b>BAB 5: PERANAN PENDAKWAH INDONESIA SEBAGAI GURU AGAMA DI SABAH</b>		
5.1	Pengenalan	168
5.2	Peranan Pendakwah Indonesia Sebagai Guru Agama di Sabah	171
5.2.1	Peranan Sebagai Guru Sekolah Secara Formal	174
5.2.2	Pendakwah Secara Tidak Formal	182
5.3	Pendekatan atau Corak Pengajaran dan Pembelajaran	183
5.4	Kesimpulan	194
<b>BAB 6: CABARAN DAN REAKSI MASYARAKAT TERHADAP PENDAKWAH INDONESIA DI SABAH</b>		
6.1	Pengenalan	195
6.2	Cabarani Yang Dihadapi Ketika Berdakwah dan Mengajar	196
6.3	Reaksi Masyarakat Terhadap Dakwah dan Pengajaran Yang Dijalankan	205
6.3.1	Reaksi Masyarakat Terhadap Dakwah Yang Dijalankan	206
6.3.2	Reaksi Terhadap Pengajaran Dijalankan	208
6.4	Kesimpulan	213
<b>BAB 7: PENUTUP</b>		
		214
<b>BIBLIOGRAFI</b>		
		221
<b>LAMPIRAN</b>		
		236

## SENARAI SINGKATAN

<b>BARIP</b>	Barisan Pemuda Brunei
<b>BERJAYA</b>	Bersatu Rakyat Jelata
<b>BUNAP</b>	<i>Borneo Utara National Party</i>
<b>DUN</b>	Dewan Undangan Negeri
<b>JHEAINS</b>	Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah
<b>MUIS</b>	Majlis Agama Islam Sabah
<b>Pasok Momogun</b>	<i>United National Pasok Momogun Organisation</i>
<b>PBS</b>	Parti Bersatu Sabah
<b>SANAP</b>	<i>Sabah National Party</i>
<b>SCA</b>	<i>Sabah Chinese Association</i>
<b>SIC</b>	<i>Sabah Indian Congress</i>
<b>UNKO</b>	<i>United National Kadazan Organization</i>
<b>UPKO</b>	<i>United Pasok Momogun Kadazan Organisation</i>
<b>USIA</b>	<i>United Sabah Islamic Assiciation</i>
<b>USNO</b>	<i>United Sabah National Organization</i>



UNIVERSITI  
MALAYSIA  
SABAH


## **SENARAI JADUAL**

	Halaman
Jadual 2.1 Menunjukkan Kesalahan dan Hukuman Yang Terkandung Dalam <i>Mohamadan Law</i>	58
Jadual 3.1 Daftar nama Guru Agama Dari Medan yang di Hantar ke Sabah	121
Jadual 3.2 Senarai kakitangan Rabitah Alam Islami yang di hantar ke Sabah	127
Jadual 3.3 Senarai nama pendakwah Rabitah Alam Al-Islami pada 8 Mei 1980 (Peringkat Pertama)	127
Jadual 3.4 Senarai nama pendakwah Rabitah Alam Al-Islami pada Julai 1980	129
Jadual 3.5 Senarai nama kakitangan Rabitah Alam peringkat ke tiga November 1980	129
Jadual 5.1 Senarai nama guru agama dan daerah tempat bertugas.	173
Jadual 5.2 Perkembangan Jumlah Pelajar di SUIS dari Tahun 1978 hingga 1987	183
Jadual 5.3 Beberapa contoh Isi kandungan mata Pelajaran Sekolah Rendah Agama	186
Jadual 6.1 Menunjukkan Guru Agama Indonesia yang mendapat Pingat Kebesaran Negeri Sabah	212

## **SENARAI GAMBAR**

	Halaman
Gambar 2.1 Tun Datu Mustapha Bin Datu Harun	81
Gambar 2.2 Bangunan USIA, Kota Kinabalu	83
Gambar 2.3 Masjid Bandaran, Kota Kinabalu	84
Gambar 2.4 Masjid Negeri, Kota Kinabalu	85
Gambar 2.5 Datuk Harris Mohd Salleh	86
Gambar 2.6 Bangunan MUIS, Kota Kinabalu	88
Gambar 3.1 Mandor Sharif Bersama Isteri	99
Gambar 3.2 Pendakwah Indonesia (Ustaz Muhammad Iyen Atim, Ustaz Jalidar Abdul Rahim, Ustaz Manshuruddin Batu Bara, Ustaz Umar Sidik) Yang Datang Ke Sabah Atas Jemputan Kerajaan Negeri Sabah	123
Gambar 3.3 Ustaz Ahmad Darbi Lubis (Allahyarham)	124
Gambar 3.4 Ustaz Muhammad Iyen Atim	124
Gambar 3.5 Ustaz Manshuruddin Batu Bara	125
Gambar 3.6 Ustaz Yazid Abbas (Allahyarham)	128
Gambar 3.7 Ustaz Mukti Saubari	128
Gambar 3.8 Ustaz Jamiatul Ikhwan Asngandi	131
Gambar 3.9 Ustaz Marzuki Umar	132
Gambar 4.0 Ustaz Awaluddin Nasution	132
Gambar 4.1 Aktiviti Kebajikan yang dijalankan oleh Ustaz Mukti Saubari	159
Gambar 4.2 Ustaz Ikhwan Sedang memberikan ceramah	161
Gambar 4.3 Koleksi Buku Hasil Tulisan ustaz Haji Manshuruddin Batu Bara	164

Gambar 5.1 Ustaz Muhammad Iyen Atim ketika mengajar disekolah SMU Papar	188
Gambar 6.1 Keadaan kenderaan USIA ketika menjalankan dakwah	198
Gambar 6.2 Kenderaan USIA ketika Menjalankan Dakwah	198
Gambar 6.3 Keadaan tempat belajar yang serba kekurangan	200



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## **SENARAI RAJAH**

Halaman

Rajah 2.1 Lambang Parti USNO	79
Rajah 2.2 Lambang Bendera Parti BERJAYA	80
Rajah 2.3 Lambang USIA	81
Rajah 2.4 Lambang MUIS 1980	86
Rajah 5.1 Bahagian Hadapan Sijil Rendah Ugama (SRU)	189
Rajah 5.2 Bahagian Belakang Sijil Rendah Ugama (SRU)	190



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## **SENARAI PETA**

Halaman

Peta 3.1 Kedudukan Sabah – Indonesia	103
Peta 5.1 Daerah Bertugas Guru Agama Indonesia Yang Datang Atas Jemputan Kerajaan Negeri Sabah	174



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1.1 Pengenalan

Jika diteliti dari sudut sejarah, pertapakan dan kepesatan perkembangan agama Islam di Sabah adalah atas usaha aktiviti dakwah oleh pendakwah-pendakwah yang begitu gigih dan tidak pernah jemu dalam menyampaikan dakwah khususnya terhadap penduduk tempatan. Dakwah adalah medium atau instrumen penting dalam proses dan aktiviti penyebaran serta perkembangan agama Islam di Sabah.

Dakwah berasal dari perkataan ‘al-doа’ yang membawa maksud menyeru. Perkataan dakwah berasal dari bahasa Arab yang bermaksud menjemput, memanggil, mengajak, mendorong, menyeru dan menyampaikannya<sup>1</sup> pada sesuatu untuk merangsang kepada sesuatu tujuan. Dari segi bahasa pula, dakwah bermaksud seruan, panggilan atau ajakan. Dengan itu, pengertian dakwah adalah menyeru umat manusia untuk menuju ke jalan yang benar.<sup>2</sup>

Perkataan dakwah dalam bahasa Arab memberikan makna yang luas. Kata dakwah berasal dari kata kerja *da‘a* yang bererti keinginan untuk Allah.<sup>3</sup> Merujuk kepada Ensiklopedia Islam, dari segi bahasa perkataan dakwah ialah kata dasar (*masdar*) daripada kata *da‘a-yud‘u* yang bererti panggilan, seruan atau ajakan.<sup>4</sup> Oleh itu, dalam terminologi Islam, dakwah adalah sebuah undangan diberikan kepada umat manusia oleh para nabi. Dari sudut pandangan Islam agama semua nabi adalah Islam dan setiap Nabi mempunyai dakwah sendiri.<sup>5</sup> Kata dakwah sering

<sup>1</sup> Syed Othman Al- Habshi, “Kepentingan Pengurusan Dalam Dakwah Islamiah” dalam *Prinsip dan Kaedah Dakwah Dalam Arus Pembangunan Malaysia*, Bangi: Penerbit UKM, 1997, hlm. 102.

<sup>2</sup> Ghazali Darusalam, *Dinamika Dakwah Islamiah*, Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd, 1996, hal. 1-4.

<sup>3</sup> Abdullah Muhammad Zin, *Islamic Dakwah (Mission) The Definition, Conception & Foundation*, Kuala Lumpur: Pustaka Antara Sd. Bhd., 1991, hlm.1.


<sup>4</sup> *Ensiklopedia Islam Jilid 1 (A-F)*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka, 2004, hlm. 284.

<sup>5</sup> Abdullah Muhammad Zin, *Op.cit.*, hlm. 2.

dirangkaikan dengan kata ‘ilmu’ dan kata ‘Islam’ sehingga menjadi ‘ilmu dakwah’ dan ‘dakwah Islam’ atau *ad-da’wah al-Islamiyah*.<sup>6</sup>

Merujuk kepada sabda nabi Muhammad s.a.w iaitu بَلَغُو عَنِي وَلَوْ أَيْةٌ yang membawa maksud “sampaikan olehmu daripadaku walau satu ayat sekalipun”. Dalam sabda ini jelas memperlihatkan bahawa sebagai seorang Islam kita wajib untuk menyampaikan ajaran Islam walaupun sedikit sahaja. Dengan itu dapatlah dikaitkan di sini bahawa medium yang menyampaikan ajaran Islam ini jika dilihat secara khusus adalah merujuk kepada seorang yang digelar pendakwah.<sup>7</sup>

Oleh yang demikian, pendakwah merupakan orang atau individu yang menyeru, memanggil dan mengajak individu lain atau masyarakat ke jalan yang benar. Manakala, dalam konteks penyebaran agama Islam, pendakwah adalah merupakan agen yang menyebarkan dakwah Islam dan memberikan pengetahuan tentang ilmu agama kepada masyarakat. Tugas seorang pendakwah adalah menyampaikan ajaran dakwah dan memastikan agar dakwah yang disampaikan itu sampai kepada penerima dakwah tersebut. Dengan itu, seorang pendakwah itu boleh jadi adalah seorang guru dan begitulah sebaliknya. Tugas utama seorang guru adalah menyampaikan ilmu kepada para pelajar.<sup>8</sup> Lantaran itu, dapat dibuat kesimpulan awal bahawa seorang guru itu adalah pendakwah.



UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Kajian ini secara khususnya akan membincangkan tentang peranan pendakwah Indonesia. Pendakwah Indonesia adalah istilah yang digunakan untuk merujuk kepada pendakwah yang datang dari Indonesia. Pendakwah Indonesia ini telah dilantik oleh *United Sabah Islamic Association* (USIA) dan Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS) sebagai Pegawai Dakwah dan Guru Agama. Pendakwah Indonesia yang dilantik sebagai Pegawai Dakwah, menjalankan tugas dalam gerakan dakwah Islam. Pada masa yang sama Pendakwah Indonesia yang dilantik sebagai Pegawai Dakwah ini juga menjadi guru agama di tempat mereka berdakwah bagi mengisi

<sup>6</sup> *Ensiklopedia Islam Jilid 1 (A-F)*, Op.cit., hlm. 284.

<sup>7</sup> Ghazali Darusalam, Op.cit., hlm. 1-4.

<sup>8</sup> Ibid.

kekurangan tenaga pengajar. Manakala, Pendakwah Indonesia yang dilantik sebagai Guru Agama pula, tugas utama mereka adalah mengajar di Sekolah Ugama Islam Sabah (SUIS) namun, mereka juga secara tidak formal menjadi pendakwah di kawasan atau tempat mereka berkhidmat sebagai guru agama.

Jika diteliti pada peringkat awal penyebaran agama Islam di Sabah adalah dilakukan oleh golongan sufi ataupun golongan ulama<sup>9</sup> dan oleh orang perseorangan. Ulama dan pendakwah yang menyebarkan syiar Islam di negeri ini sebelum tahun 1960-an adalah terdiri dari kalangan golongan pendakwah tradisional yang berpegang teguh kepada fahaman tradisional. Mereka menggunakan kitab-kitab fiqh, tauhid, tajwid, tafsir dan hadith di samping, terlibat dalam kelas mengajar mengaji al-Quran. Situasi ini telah membawa kepada perkembangan Islam yang lebih baik apabila ramai dari kalangan anak-anak murid mereka mengikuti kelas pengajian agama, berjaya menjadi imam dan guru agama di kampung-kampung yang bersifat tradisional.<sup>10</sup>

Kegiatan penyebaran agama Islam ini tidak terhenti setakat itu sahaja tetapi terus berkembang terutama semasa pentadbiran Tun Datu Mustapha bin Datu Harun. Ini kerana, Tun Datu Mustapha ingin menyatukan seluruh rakyat Sabah. Bagi Tun Datu Mustapha hanya agama Islam sahaja yang dapat menyatukan seluruh masyarakat Sabah yang berbilang keturunan dan agama.<sup>11</sup> Dengan itu, Tun Datu Mustapha menujuhkan USIA pada tahun 1969 untuk menyebarkan dakwah Islam ke seluruh Sabah dan pada tahun 1971 MUIS telah diwujudkan dengan


<sup>9</sup> Golongan sufi adalah golongan ulama yang mempunyai keistimewaan tertentu dari segi kerohanian. Di kepulauan Melayu, terdapat pelbagai cerita tentang keramat dan wali yang sering dihubungkan dengan ulama-ulama sufi. Ulama-ulama daripada golongan itu dikagumi dan dihormati serta mendapat tempat yang mulia di jiwa orang Islam di rantau ini. Kebangkitan golongan sufi dalam sejarah Islam bermula sejak kejatuhan Kota Baghdad ke tangan orang Mongol pada abad ke-13. Semasa Islam tersebar ke Kepulauan Melayu, golongan itu masih berada dalam zaman kegemilangannya. Sebagai ulama yang tahu tentang tanggungjawab terhadap Islam, mereka telah memainkan peranan yang penting dalam penyebaran agama Islam di rantau ini. (Rujukan lanjut; Muhibbin Yusin, *Islam di Sabah*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1990, hal. 6.)

<sup>10</sup> Jamdin Buyong, "Islam Membentuk Tamadun Penduduk Sabah: Sejarah dan Kejayaan", dalam, Anwar Fakhri Omar, Ezad Azraai Jamsari dan Jaffari Awang (ed.), *Islam di Sarawak dan Sabah*, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 2003, hal. 198.

<sup>11</sup> Abdullah Hussain, *Tun Datu Mustapha: Bapa Kemerdekaan Sabah*, Kuala Lumpur: M.F.I, 1976, hal. 95.

fungsi yang sama dengan USIA iaitu menyebarkan dakwah kepada rakyat Sabah. Dengan adanya usaha yang bersepada di antara dua badan dakwah ini, telah menyebabkan peningkatan terhadap bilangan penganut agama Islam di Sabah sehingga mengubah peratus bilangan Ahli Dewan Undangan Negeri Sabah. Akhirnya, agama Islam diisyiharkan menjadi agama rasmi di Sabah seperti negeri-negeri lain di Semenanjung Malaysia.<sup>12</sup>


Lantaran itu, Tun Datu Mustapha di bawah Kerajaan Negeri telah berusaha meningkatkan pendidikan di kalangan kanak-kanak masyarakat Islam dengan menubuhkan sekolah-sekolah agama. Namun mengalami kekurangan guru lalu mengambil guru dan pendakwah dari luar. Dengan itu, semasa pemerintahan Parti Perikatan (*United Sabah National Organization* (USNO) dan *Sabah Chinese Association* (SCA)) di bawah USIA (*United Sabah Islamic Association*) telah mengambil pendakwah tempatan dan membawa masuk pendakwah dari luar. Contohnya pendakwah dari Semenanjung Malaysia, Indonesia, Filipina, dan Arab Saudi. Namun pendakwah dari Indonesia mendominasi dengan yang teramai datang ke Sabah demi menyebarkan syiar Islam.<sup>13</sup> USIA atau *United Sabah Islamic Association* (Pertubuhan Islam Seluruh Sabah) telah ditubuhkan di Dewan Masyarakat Kota Kinabalu pada 6 Ogos 1969. Tujuan USIA ditubuhkan adalah seperti berikut;

- 
- UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
- a. Menjayakan kepentingan-kepentingan agama Islam;
  - b. Memperteguhkan kepada Allah sebagai dasar pendidik diri supaya menjadi baik dan tinggi pekerti serta bebas fikirnya di antara satu sama lain;
  - c. Melatih pengikut-pengikut Nabi Muhammad s.a.w di dalam hal ehwal agama Islam kita yang suci
  - d. Mengadakan segala kemudahan-kemudahan kerana pengajian dan pengetahuan berkenaan dengan agama Islam di dalam kalangan semua kaum untuk mengembangkan agama yang suci ini;

---

<sup>12</sup> Abdul Hadi Harman Syah *et.al*, *Tun Mustapha dan Pembangunan Sabah*, Sabah: Yayasan Sabah, 2003, hal. 36-48.

<sup>13</sup> Zakiah Haji Ahmad, *Sejarah Perkembangan Dakwah Islam di Sabah*, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 1991, hal. 177.

- 
- e. Mendirikan dan menjaga dengan baik urusan masjid-masjid, surau-surau, madrasah-madrasah, wakaf-wakaf, tanah-tanah perkuburan dan lain-lain perkara yang bersangkut paut dengan orang-orang Islam seluruh Negeri Sabah;
  - f. Mengadakan bantuan kepada orang-orang Islam seluruh negeri Sabah yang berada di dalam kesusahan;
  - g. Mengadakan berbagai-bagai jawatankuasa kecil yang berkenaan dengan agama, kebajikan, persekolahan, taman bacaan, penerangan, kaum ibu dan lain-lain perkara yang Jawatankuasa Agung fikir agak mustahak untuk melaksanakan tujuan-tujuan atau menjalankan kuasa-kuasa USIA dan perkara-perkara itu tidak bertentangan dengan agama Islam dan yang sesuai dengan aliran zaman.
  - h. Memberi penerangan kepada ahli-ahli USIA yang hendak berangkat ke tanah suci dengan kerjasama Kerajaan Pusat dan Pejabat Urusan Haji di Pulau Pinang;
  - i. Mengadakan perhubungan dan kerjasama-kerjasama yang lebih rapat dengan persatuan-persatuan Islam di luar Sabah atau lain-lain pertubuhan di mana-mana tempat di dalam soal-soal untuk kemajuan agama Islam;
  - j. Menjalankan segala daya usaha untuk menanam modal bagi apa-apa perniagaan yang akan menambahkan Tabung Kewangan USIA;
  - k. Menjalankan daya usaha di atas segala perkara yang mustahak supaya tercapai maksud-maksud yang diatas ini.<sup>14</sup>

Yang Dipertua USIA yang pertama adalah Tun Datu Mustapha Datu Harun. Dato Haji Mohd Kassim bin Haji Hashim adalah Timbalan Yang Dipertua USIA. USIA mentadbir seluruh hal ehwal agama Islam termasuklah bidang pendidikan atau pelajaran agama, hukum-hukum Islam (Mahkamah Syariah), hal-hal zakat fitrah, kadi dan imam-imam, masjid, surau, madrasah atau sekolah-sekolah agama, menyediakan guru-guru agama, mubaligh (badan penerangan USIA) dan lain-lain lagi.<sup>15</sup>

---

<sup>14</sup> Undang-undang Pertubuhan Islam Seluruh Sabah. hlm. 1-2.

<sup>15</sup> Johari Alias, USIA dan Konsepnya dalam Sinar USIA, Bil.1, Mac, 1970, hlm, 20.

Keadaan ini juga dapat dilihat semasa zaman atau era pentadbiran Datuk Harris Mohd. Salleh. Kemasukkan pendakwah Indonesia giat dijalankan untuk memberi pendidikan dan dakwah kepada masyarakat Islam di Sabah.<sup>16</sup> Kegiatan pendakwahan semasa pentadbiran Datuk Harris Mohd. Salleh ini dapat dikatakan sebagai rentetan dari kegiatan dakwah yang dijalankan semasa zaman Tun Datu Mustapha . Ini kerana, semasa era pentadbiran Tun Datu Mustapha kegiatan dakwah adalah di kalangan orang bukan Islam. Manakala semasa pentadbiran Datuk Harris Mohd. Salleh, kegiatan dakwah yang dijalankan adalah untuk memantapkan lagi pegangan agama Islam di kalangan masyarakat Islam di Sabah. Ini kerana semasa era pentadbiran Datuk Harris Mohd. Salleh ramai di kalangan masyarakat Islam yang diIslamkan semasa zaman Tun Datu Mustapha telah keluar dari agama Islam dan menganut agama asal mereka.<sup>17</sup> Kemasukkan pendakwah dari luar seperti dari Indonesia yang berlaku pada zaman Tun Datu Mustapha turut berlaku semasa zaman pemerintahan Datuk Harris Mohd. Salleh. Pada masa itu juga, perkembangan dakwah di Sabah banyak mendapat bantuan dari negara Asia Barat seperti Arab Saudi, Kuwait, Sudan dan lain-lain.

Setelah penubuhan USIA pada tahun 1969, Kerajaan Negeri Sabah mempersetujui penubuhan Majlis Ugama Islam Sabah atau MUIS dalam Sidang Dewan Undangan Negeri Sabah pada bulan Julai 1971 dengan lulusnya Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak No.15 tahun 1971. Namun pada enakmen ini telah diubahsuai kerana untuk menyesuaikan mengikut keadaan semasa dan dengan itu telah luluslah satu enakmen iaitu Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak No.15 tahun 1977.<sup>18</sup>

Dengan itu, MUIS telah membariskan beberapa fungsi dan tanggungjawabnya. Berikut adalah lima fungsi dan tanggungjawab MUIS, ringkasan seksyen yang terkandung di dalam enakmen Pentadbiran Hukum Syarak No. 15, 1977, iaitu;

---

<sup>16</sup> Jenar Lamda, *Datuk Harris Mohd. Salleh: Dengan Politik Sabah*, Kuala Lumpur: Affa Sendirian Berhad, 1981, hal. 91.

<sup>17</sup> Zakiah Haji Ahmad. *Op. cit.*, hal. 191.

<sup>18</sup> MUIS: Fungsi & Peranannya, Kota Kinabalu: MUIS, 1981, hlm.2.

- a. Untuk menyegarkan serta memperteguhkan semula jiwa dan semangat keagamaan yang tinggi di kalangan umat Islam bagi mewujudkan perpaduan dan ukhwah Islamiah di samping menegakkan agama Allah yang maha suci.
- b. Berusaha untuk berdakwah iaitu menerangkan serta menyebarkan kesucian dan kebenaran konsep ajaran agama Islam sebagai cara hidup yang benar dan diredayai Allah serta menarik perhatian mereka yang belum Islam.
- c. Berusaha memberikan pendidikan dan pengetahuan agama Islam bukan sahaja kepada kanak-kanak bahkan juga orang-orang dewasa khasnya yang beragama Islam.
- d. Mentadbir perjalanan hal ehwal agama Islam dan Hukum Syarak dalam kalangan umat Islam termasuklah nikah kahwin, cerai rujuk, Mahkamah Syariah, zakat/fitrah, Majlis Fatwa dan seumpamanya.
- e. Membina serta mentadbir bangunan masjid-masjid dan surau-surau dan juga sekolah-sekolah Agama Islam untuk kesempurnaan peribadatan umat Islam dan juga memberi pendidikan dan pengetahuan Agama Islam yang sempurna dan berkesan.

Keberadaan pendakwah mahupun guru agama Indonesia di Sabah pada zaman Tun Datu Mustapha bin Datu Harun dan Datuk Harris Mohd. Salleh dikelolakan oleh dua badan dakwah yang diwujudkan di Sabah iaitu USIA dan MUIS. USIA adalah merupakan badan bebas yang menguruskan sepenuhnya aktiviti dakwah di Sabah dan MUIS pula di bawah Kerajaan Negeri Sabah yang menguruskan hal ehwal agama Islam di Sabah yang juga turut mempunyai badan dakwahnya sendiri untuk merancakkan lagi perkembangan dakwah Islam di Sabah.

## **1.2 Permasalahan Kajian**

Pada era pentadbiran Tun Datu Mustapha, beliau melihat bahawa hal ehwal Islam dan umatnya harus di mantapkan kerana kebajikan orang Islam dilihat mundur dan terkebelakang dari masyarakat bukan Islam. Oleh itu, Tun Datu Mustapha telah mengambil langkah yang drastik untuk memantapkan politik, ekonomi dan sosial masyarakat Islam bermula dengan penyebaran dan pemahaman agama Islam.